# PENGAJIAN AM

## KERTAS 1
## (ANEKA PILIHAN)

## (DUA JAM)

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1
## SMK ST. THOMAS
## KUCHING

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

Ada enam puluh (60) soalan dalam peperiksaan ini. Jawab semua soalan

Kertas soalan ini terdiri daripada 20 halaman bercetak.

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

1. Dalam Rancangan Malaysia ke-10 yang diumumkan pada Jun 2010 telah menggariskan 5 Teras Utama. Di dalam Teras 2, pilih Bidang keberhasilan Utama (KRA) yang betul di bawah ini....

I Peningkatan kecekapan tenaga kerja
II Peningkatan keupayaan Penyelidikan dan Inovasi
III Pembangunan Masyarakat Progresif
IV Penggalakan Pembangunan Mampan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

2.

| |
|---|
| ☺ Mengurangkan kadar jenayah<br>☺ Memerangi rasuah |

Pernyataan di atas merujuk kepada ...

A. Piagam Pelanggan Polis Diraja Malaysia
B. Indeks Prestasi Utama, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)
C. Objektif Kementerian Dalam Negeri (KDN)
D. Misi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

3. Yang manakah antara pernyataan yang **BETUL** tentang ciri-ciri Malaysia pada tahun 2020 dalam Model Ekonomi Baru (MEB)..

I Pertanian Satu Perniagaan
II Keusahawanan
III Tadbir urus yang rapi
IV Membangunkan Modal Insan

A. I dan II
B I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

4. Pendekatan pembangunan baru dalam MEB ialah ......

A. Pertumbuhan berpandukan sektor swasta
B. Pertumbuhan Wilayah yang seimbang
C. Perancangan Strategik Terpusat
D. Mengutamakan Industri dan firma tertentu

5. Nilai-nilai murni berikut dapat menyatukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat untuk negara....



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

| | |
|---|---|
| ☺ Budaya Kecemerlangan | ☺ Ketabahan |
| ☺ Rendah Hati | ☺ Penerimaan |
| ☺ Kesetiaan | ☺ Meritokrasi |
| ☺ Pendidikan | ☺ Integriti |

Pernyataan di atas merujuk kepada.......

A. Rukun Negara
B. Konsep 1 Malaysia
C. Dasar Integrasi Nasional
D. Wawasan 2020

6.

| |
|---|
| ☺ Memperkasakan Bahasa Kebangsaan |
| ☺ Memantapkan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional |
| ☺ Merakyatkan seni, warisan serta budaya |

Pernyataan di atas merujuk kepada strategi Teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu ....

A. Membina Negara Bangsa
B. Membangunkan Modal Insan
C. Memperkasakan Sekolah Kebangsaan
D. Merapatkan Jurang Pendidikan

7. Antara berikut, yang manakah peruntukan kebebasan dalam Perlembagaan Malaysia..

I Kebebasan bersuara
II Kebebasan diri
III Kesamarataan
IV Kebebasan berdemonstrasi

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

8. Antara berikut, Bahagian 2 dan Bahagian 3 yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan ialah mengenai .....

I Kebebasan Asasi
II Kewarganegaraan
III Kedudukan dan Bidang kuasa sultan
IV Kuasa dan Fungsi Dewan Undangan Negeri

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

9.

> ☺ Pasport yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia
> ☺ Perjalanan antara Semenanjung Malaysia dan Singapura sahaja
> ☺ Sah dalam tompoh 5 tahun
> ☺ Boleh diperbaharui

Pernyataan di atas merujuk kepada ......

A. Pasport Terhad Malaysia
B. Dokumen Perjalanan Terhad
C. Pas Sempadan
D. Sijil Pengenalan Terhad

10. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang Sekatan Undang-Undang Demi Keselamatan Negara .......

I Akta Cakera Optik 2000
II Akta Tandatangan Digital (ATD) 1997
III Subversif
IV Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 573)

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

11.

> ☺ Mempunyai Presiden
> ☺ Amal doktrin Pengasingan Kuasa

Pernyataan di atas merujuk kepada kerajaan jenis ...

A. Demokrasi Berparlimen
B. Komunis
C. Republik
D. Sosialis

12.

> Encik X menyalahgunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dengan membuat keputusan berdasarkan kepentingan diri sendiri atau anak saudaranya

Antara yang berikut, yang manakah hukuman yang diterima oleh Encik X jika didapati bersalah melakukan suapan tersebut?

A. Dipenjara tidak lebih 10 tahun atau denda tidak lebih RM 100,000
B. Dipenjara tidak lebih 7 tahun atau denda tidak lebih RM 50,000
C. Dipenjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM 10,000
D. Dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda suapan atau RM10,000



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

13. Mengapa Dasar Bersih, Cekap dan Amanah diperkenalkan oleh kerajaan?

A. Membina bangsa yang berdaya tahan
B. Mewujudkan negara yang bebas, cekap dan amanah bagi mencapai matlamat Wawasan 2020
C. Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti selaras dengan pembangunan negara
D. Pembangunan dan kejayaan sesebuah negara bergantung kepada nilai dan etika kerja pegawai Perkhidmatan Awam ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti

14.

| |
|---|
| ☺ Mendemokrasikan pendidikan<br>☺ Menghasilkan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan mahir dalam bidang sains dan teknologi<br>☺ Melatih pelajar-pelajar supaya berpengetahuan dan mahir menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pendidikan |

Pernyataan di atas merujuk kepada objektif dan matlamat ....

A. Sekolah Bestari
B. Sekolah Wawasan
C. Sekolah Kluster
D. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBPT)

15. Antara yang berikut, yang manakah objektif jangka panjang Pelan Intgriti Nasional (PIN)?

A. Meningkatkan komitmen dan kerjasama rakyat
B. Menggubal strategi dan memberi hala tuju bagi semua sektor masyarakat
C. membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya
D. Meningkatkan integriti daripada peringkat teratas ke peringkat akar umbi

16.

| |
|---|
| ☺ Membuat keputusan berkaitan pertikaian antarabangsa<br>☺ Ditempatkan di Hague, Holand<br>☺ Terdiri daripada 15 orang hakim |

Maklumat di atas berkaitan dengan .....

A. Mahkamah Pengadilan Antarabangsa
B. Majlis Ekonomi dan Sosial
C. Majlis Keselamatan
D. Majlis Amanah



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

17.

> ☺ Diisytiharkan dalam Mesyuarat Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)
> ☺ Objektif : Memperkasakan Wanita
> ☺ Isu dibincangkan : Wanita dan konflik bersenjata

Pernyataan di atas merujuk kepada Deklarasi .......

A. Langkawi
B. Nairobi
C. Beijing
D. Putrajaya

18.

| X | → | ☺ Digubal pada 1974<br>☺ Dibentuk dalam Persidangan Khas ke 6 PBB<br>☺ Bertujuan antaranya untuk merundingkansemula hutang luar Negara Dunia ke 3 seperti Brazil dan Peru |
|---|---|---|

**X** merujuk kepada ...

A. Suruhanjaya Selatan-Selatan
B. Kumpulan 15 (G15)
C. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
D. Order Baru Ekonomi Dunia (NIEO)

19. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)?

I Penggunaan nilai mata wang serantau untuk menggantikan US Dollar
II Dicadang dan dilancarkan pada 2013
III Mengurangkan kemiskinan dan jurang pendapatan
IV Langkah ke arah pembentukan Pasaran Tunggal ASEAN

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

20. Jawatankuasa Tetap Sosial ASEAN terdiri daripada ...

I Jawatankuasa Sains dan Teknologi (COST)
II Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI)
III Jawatankuasa Pengangkutan dan Telekomunikasi (COTAC)
IV Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan (COFAF)

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

21. Antara yang berikut, manakah yang benar tentang tugas Yang di-Pertua Negeri?

I. Melantik ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
II. Menghadiri perbahasan Dewan Undangan Negeri.
III. Menjalankan pemerintahan atas kuasa budi bicara.
IV. Mengampuni orang yang disabitkan dengan kesalahan di Mahkamah Tinggi.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

22. Manakah yang benar tentang Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?

I. Pelaksana kuasa eksekutif negeri.
II Bilangan ahli sesebuah negeri adalah sama.
III Diketuai oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
IV Hanya terdiri daripada mereka yang memenangi pilihan raya.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

23. Pilih padanan yang betul mengenai kuasa atas nasihat dan kuasa atas budi bicara Yang di-Pertuan Agong.

| | Kuasa atas nasihat | Kuasa atas budi bicara |
|---|---|---|
| A | Melantik pewaris tahta | Memberi persetujuan membubarkan Parlimen |
| B | Mengurniakan anugerah pingat kebesaran | Meminta mesyuarat khas Majlis Raja-Raja. |
| C | Melantik Senator | Mengampunkan pesalah syariah di negeri asal baginda. |
| D | Memperkenankan rang undang-undang. | Melantik Yang di-Pertua Negeri |

24. Antara yang berikut, manakah tugas utama Ketua Setiausaha Kementerian?

I Mewakili menteri di persidangan Parlimen.
II Menjadi pentadbir utama bagi sesebuah kementerian.
III Mengubal dan menentukan dasar bagi sesebuah kementerian
IV Menentukan dasar sesebuah kementerian dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

25. Antara yang berikut, manakah yang benar mengenai tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan?

I Meluluskan pertukaran status tanah.
II Mengeluarkan lesen pemaju perumahan.
III Menamakan sesuatu taman perumahan.
IV Mengenakan kompaun kesalahan kain pemidang iklan.

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

26. Yang manakah maksud kuasa autonomi yang dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan?

I Berkuasa membuat undang-undang kecil.
II Berkuasa menambah bilangan ahli majlis.
III Berkuasa melantik pegawai atau kakitangan di sesebuah Majlis Tempatan.
IV Boleh melaksanakan dasar-dasar yang berbeza dengan kerajaan negeri.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

27. Antara yang berikut, manakah sebab utama pembentukan badan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

A Mewujudkan perhubungan kuasa pentadbiran Kerajaan Persekutuan denganKerajaan Negeri.
B Menyeragamkan pengurusan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
C Mengelakkan pertindihan kuasa perundangan dan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
D Kerajaan Negeri memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dalam urusan pengurusan dan pentadbiran.

28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan badan penyelaras antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

I Majlis Air Negara.
II Majlis Tanah Negara.
III Majlis Kewangan Negara.
IV Majlis Perumahan Negara.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

** **Menganalisis dasar-dasar perdagangan antarabangsa.**
** **Mengurus pinjaman untuk Kerajaan Persekutuan.**

29. Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi
A Perbendaharaan.
B Unit Perancangan Ekonomi.
C Majlis Kewangan Negara.
D Jabatan Akauntan Negara

** **Menyediakan khidmat rundingan pengurusan.**
** **Menambahbaik pengurusan kerajaan elektronik.**

30. Agensi pusat yang manakah melakukan fungsi di atas?
A Unit Perancangan Ekonomi.
B Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan.
C Jabatan Perkhidmatan Awam.
D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia.

** **Isteri dan anak warganegara telah bermastautin dua tahun sebelum permohonan.**
** **Berumur 18 tahun bermastautin di Sabah dan Sarawak pada16 September 1963. Telah bermastautin sebelum tarikh tersebut dan selepas tempoh itu telah bermastautin selama tujuh daripada sepuluh tahun sebelum permohonan.**

31. Pernyataan di atas merujuk kepada perolehan kewarganegaraan secara
A Pendaftaran
B Permohonan
C Kemasukan wilayah
D Kuatkuasa undang-undang.

32. Antara peristiwa berikut yang manakah boleh mengakibatkan pelucutan kewarganegaraan seseorang warganegara Malaysia?
I Encik P memperoleh kewarganegaraan Australia.
II Cik S berkahwin dengan seorang warganegara Afrika Selatan.
III Encik R berkahwin dengan seorang warganegara Amerika Syarikat.
IV Encik Q menggunakan passport Kanada sebagai dokumen perjalanan.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

33. ** **Kuasa : Menentukan tarikh pilihan raya umum.**

Tugas di atas dilaksanakan oleh

A Perdana Menteri.
B Ketua Setiausaha Negara.
C Yang di-Pertuan Agong
D Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya.

34. Pilihan raya kecil perlu dilakukan dalam kes-kes berikut iaitu:

I berlaku kekosongan luar jangka atas sebab-sebab yang tertentu.
II apabila anggota kabinet berhenti menjadi Jemaah Menteri.
III apabila anggota Dewan Undangan Negeri tidak menghadiri Dewan selama lebih 120 hari secara berturutan.
IV wakil Rakyat kawasan X disabitkan dengan kesalahan muflis oleh mahkamah.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35. Manakah yang benar tentang kuasa Perdana Menteri?

I Melantik Ketua Setiausaha Negara.
II Memanggil mesyuarat Suruhanjaya Pilihan Raya
III Membuat keputusan tentang dasar-dasar kerajaan.
IV Menamakan ahli-ahli Jemaah Menteri untuk dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

A I dan II
B I dan IV
C II dan IV
D III dan IV

36. Perbezaan utama antara Akta, Enakmen dan Ordinan ialah

A merupakan undang-undang bertulis.
B merupakan sumber undang-undang yang utama.
C mendapat kelulusan badan perundangan dan kehakiman.
D mendapat kelulusan daripada badan-badan perundangan yang berbeza.

37. Fungsi utama Yang di-Pertuan Agong ialah

I membubarkan Dewan Rakyat.
II membahaskan rang undang-undang.
III memperkenankan rang undang-undang.
IV menggubal undang-undang Persekutuan.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV.



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

38. Undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen boleh dikuatkuasakan apabila

A mendapat persetujuan Parlimen.

B mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja.

C mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan kepada orang ramai.

D mendapat perkenan atau tidak Yang di-Pertuan Agong dan selepas tempoh 30 hari.

39. Antara yang berikut, manakah merupakan agenda utama dalam mesyuarat Parlimen selepas pilihan raya.

I Ahli-ahli Dewan mengangkat sumpah.

II Menentukan tempat duduk ahli-ahli Dewan.

III Merancang takwim Parlimen selama 4 penggal.

IV Titah ucapan Yang di-Pertuan Agong tentang tugas dan dasar-dasar negara.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

40. Antara yang berikut, yang manakah merupakan keistimewaan Dewan Undangan Negeri.

A Pemecatan Ahli Dewan dibuat melalui tribunal.

B Kesahan segala prosiding dewan boleh dipersoalkan.

C Keanggotaan ahli Dewan mesti terdiri daripada ahli exco.

D Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding atas segala kenyataan yang dibuat.

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

41. Antara yang berikut, yang manakah kes-kes sivil yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

I Harta sepencarian
II Wakaf Islam
III Menganiaya isteri
IV Tidak membayar zakat dan fitrah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

42.

> Encik X telah dituduh melakukan pembunuhan. Walau bagaimanapun, dalam perbicaraan dia membuktikan bahawa dia telah berada di tempat lain semasa kejadian

Antara yang berikut, yang manakah bentuk pembelaan yang sesuai yang boleh disabitkan dengan pembebasan daripada pertuduhan yang dikenakan kepada Encik X?

A Afidavit
B Alibi
C Prima facie
D Sine die

43. Antara yang berikut, yang manakah merupakan pernyataan yang benar tentang bidang kuasa Mahkamah Sesyen?

I Menjatuhkan semua hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang kecuali hukuman mati.
II Mendengar sebarang kes rayuan dari Mahkamah Majistret.
III Semua kes diadili oleh seorang hakim sahaja.
IV Menjatuhkan hukuman bagi kes jenayah yang tidak melebihi penjara 10 tahun atau denda RM10 ribu.

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

44. Antara yang berikut, yang manakah benar berkaitan dengan atur cara sivil?

I Writ tidak boleh ditampalkan di bangunan kediaman defendan jika gagal diserahkan secara langsung atau kepada peguam defendan.

II Sekiranya pihak defendan gagal menghadirkan diri, keputusan mungkin dibuat tanpa kehadirannya.

III Sekiranya pihak defendan tidak menuntut perbicaraan, pihak plaintif boleh menuntut keputusan segera daripada mahkamah.

Iv Pihak defendan tidak boleh membuat tuntutan balasan walaupun terdapat alasan belaan terhadap sesuatu tuntutan.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

45.

- Mahkamah awam paling rendah di Semenanjung Malaysia.
- Membicarakan kes-kes sivil yang jumlah atau nilai yang dituntut tidak melebihi RM50.
- Tertuduh berhak membuat permohonan supaya dibicarakan di Mahkamah Majistret.

Pernyataan-pernyataan di atas merujuk kepada

A Mahkamah Penghulu
B Tribunal Tuntutan Pengguna
C Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
D Mahkamah Bumiputera

46.

| | |
|---|---|
| Barangan | : Motosikal Honda EX-5 |
| Harga | : RM3500.00 |
| Bayaran Pendahuluan | : Tiada |
| Cara Bayaran | : Ansuran |
| Tempoh Bayaran | : 3 tahun |
| Kadar Faedah | : 8.5% setahun |
| Promosi Kedai | : Ansuran pertama percuma |

Hitung jumlah bayaran yang perlu dijelaskan dalam tiga tahun tersebut.

A RM3500.00
B RM3797.50
C RM4270.49
D RM4392.50



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

*Soalan-soalan 47 dan 48 berdasarkan pernyataan di bawah:*

> Perbezaan waktu antara Malaysia dengan Amerika Syarikat ialah Amerika terkemudian 9 jam daripada Malaysia. Katakanlah perjalanan kapal terbang dari KLIA ke San Francisco memakan masa 18 jam. Selesaikan masalah berikut.

47. Malik bertolak pada jam 12.30 tengah hari pada 10 Mac 2000 dari KLIA ke San Francisco. Pada pukul berapakah dia akan tiba di tempat yang ditujuinya mengikut waktu tempatan Amerika Syarikat?

A 9.30 malam, 10 Mac 2000
B 7.30 petang, 10 Mac 2000
C 9.30 malam, 11 Mac 2000
D 7.30 petang, 11 Mac 2000

48. Jika Malik bertolak dari San Francisco ke KLIA pada jam 10.00 pagi, 20 Mac 2000, pada pukul berapakah dia akan tiba di KLIA mengikut waktu tempatan Malaysia?

A 2.00 pagi, 21 Mac 2000
B 6.00 pagi, 21 Mad 2000
C 12.00 tengah hari, 21 Mac 2000
D 1.00 tengah hari, 21 Mac 2000

49.

> P membeli sepasang kasut dari kedai Q dengan harga RM40. Harga kos sepasang kasut ialah RM35. P membayarnya dengan duit kertas RM100. Q tiada wang tukar lalu pergi ke kedai R untuk menukarkan wang itu dan memulangkan RM60 kepada P. Petangnya, R memberikan wang itu kepada peniaga S untuk membayar pesanannya yang berharga RM180. Wang itu kemudiannya diserahkan oleh S kepada pekerjanya T sebagai bayaran gaji. Apabila T memasukkan wang itu ke dalam bank, didapati wang itu adalah palsu. Wang itu akhirnya dipulangkan oleh T kepada S, oleh S kepada R dan oleh R kepada Q. Q pula tidak dapat mencari P.

Berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Q?

A RM100
B RM160
C RM195
D RM200



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

*Soalan-soalan 50 dan 51 berdasarkan jadual 1 di bawah ini.*

**Jadual 1 : Pasaran Saham Kuala Lumpur pada 6 Julai 1992**

| Tahun | | Industri | Tutup | + / - | Jumlah (ribu) |
|---|---|---|---|---|---|
| Tinggi | Rendah | | | | |
| 414 | 262 | ASM 50 | 263 | -6 | 239 |
| 255 | 172 | Antah 50 | 176 | 3 | 123 |
| 336 | 178 | Aokam | 316 | Tetap | 233 |
| 1160 | 875 | Bata | 1160 | 40 | 19 |
| 380 | 322 | Berjaya | 334 | -2 | 21 |
| 314 | 246 | Boustead | 264 | Tetap | 1 |
| 448 | 295 | Malaya | 295 | -5 | 43 |
| 486 | 392 | Malex | 398 | -2 | 1 |
| 4300 | 3100 | Matsushita | 3650 | -100 | 2 |
| 234 | 195 | Metrojaya | 208 | -4 | 1 |

50. Kaunter yang manakah yang mengalami peratusan perubahan harga tahunan yang paling tinggi?

A Antah
B Aokam
C Bata
D Boustead

51. Kaunter yang manakah yang mengalami peratusan kejatuhan harian yang paling besar?

A ASM
B Malex
C Metrojaya
D Malaya

*Soalan 52 berdasarkan jadual 2 di bawah ini.*

**Jadual 2 : Ringgit Malaysia bagi Satu Unit Mata Wang Asing**

| Mata Wang | Harga Jualan | Harga Belian |
|---|---|---|
| Dolar Amerika | 2.71 | 2.68 |
| Mark Jerman | 1.60 | 1.55 |
| Paun Sterling | 4.01 | 3.94 |
| Dolar Singapura | 1.74 | 1.70 |

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

52. Seorang usahawan Malaysia membeli sebuah kereta di London dengan harga 25,000 paun sterling. Kereta itu dibawa pulang ke Malaysia dengan menggunakan khidmat perkapalan Jerman dengan tambang sebanyak 2,000 mark Jerman. Kereta itu dikenakan cukai import sebanyak 150% daripada nilainya.

Berapakah jumlah kos ( dalam ringgit Malaysia ) yang perlu ditanggung oleh usahawan tersebut?

A RM249,350
B RM258,625
C RM254,000
D RM253,825

*Soalan-soalan 53 dan 54 berdasarkan jadual 3 di bawah ini.*

**Jadual 3 : Kes Penguatkuasaan dan Kompaun di Semenanjung Malaysia Tahun 1989 dan 1990**

| Negeri | 1989 | | 1990 | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan (kes) | Kompaun (RM) | Bilangan (kes) | Kompaun (RM) |
| Wilayah Persekutuan | 8,765 | 1,487,010 | 10,129 | 2,378,604 |
| Johor | 6,583 | 652,506 | 9,540 | 1,006,972 |
| Selangor | 9,624 | 784,215 | 13,228 | 814,415 |
| Perak | 3,488 | 544,135 | 5,184 | 665,602 |
| Pahang | 3,698 | 406,467 | 3,589 | 406,734 |
| Kelantan | 2,969 | 336,960 | 3,868 | 337,020 |
| Kedah | 2,815 | 292,235 | 4,157 | 327,325 |
| Pulau Pinang | 3,059 | 251,505 | 3,929 | 306,180 |
| Negeri Sembilan | 3,140 | 210,330 | 4,707 | 283,730 |
| Melaka | 3,455 | 191,430 | 4,606 | 240,170 |
| Perlis | 263 | 28,630 | 431 | 35,520 |
| Terengganu | 1,293 | 36,225 | 1,797 | 34,680 |
| Jumlah | 49,152 | 5,221,648 | 65,165 | 6,836,952 |

53. Negeri yang mencatatkan peratusan kenaikan kes penguatkuasaan yang paling tinggi antara tahun 1989 dengan tahun 1990 ialah

A Johor
B Perak
C Perlis
D Wilayah Persekutuan

54. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang Jadual 3?

I Jumlah kutipan kompaun meningkat sebanyak 30.9% pada tahun 1990.
II Wilayah Persekutuan mencatatkan pertambahan kutipan kompaun yang terbesar.
III Kes penguatkuasaan di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 37.6% pada tahun 1990.
IV Purata kompaun per kes bagi Semenanjung Malaysia pada tahun 1990 lebih tinggi daripada purata kompaun pada tahun 1989.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

*Soalan-soalan 55 dan 56 berdasarkan Jadual 4 di bawah ini.*

**Jadual 4 : Kesan-kesan Somatik kepada Individu di Negara X**

| Jenis Risiko | Bilangan Kematian Tahunan (orang) |
|---|---|
| Penyakit: | |
| Penyakit jantung | 1 dalam 300 |
| Kanser | 1 dalam 400 |
| Demam selesema | 1 dalam 4000 |
| Kemalangan: | |
| Kemalangan jalan raya | 1 dalam 8000 |
| Kejutan elektrik | 1 dalam 400 000 |
| Disambar petir | 1 dalam 6 juta |
| Sinaran: | |
| Sinaran semula jadi | 1 dalam 60 000 |
| Sinaran daripada industri | 1 dalam 30 juta |



http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

55. Dengan mengandaikan bahawa negara X mempunyai 300 juta orang penduduk, berapa banyakkah yang meninggal dunia dalam setahun sebagai akibat kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kesan somatik?

A 375 orang
B 2400 orang
C 24 000 orang
D 37 500 orang

56. Antara pernyataan-pernyataan yang berikut, yang manakah yang benar tentang kesan somatik kepada individu di negara X?

I Penyakit kanser mengakibatkan bilangan kematian yang paling tinggi.
II Bilangan kematian yang diakibatkan oleh kemalangan disambar petir adalah yang kedua terendah.
III Penyakit jantung mengakibatkan kematian sebanyak 55.3% daripada jumlah kematian.
IV Nisbah bilangan kematian yang diakibatkan oleh demam selesema dengan bilangan kematian yang disebabkan oleh kejutan elektrik ialah 1:100.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

*Soalan-soalan 57 dan 58 berdasarkan Jadual 5 di bawah ini.*

**Jadual 5 : Mata Wang Edaran Bank Negara Tahun 1984**

| Wang Kertas | Nilai | Peratus |
|---|---|---|
| RM1 | 213,363,995 | 3.2 |
| RM5 | 96,954,530 | 1.5 |
| RM10 | 681,119,610 | 10.4 |
| RM20 | 125,095,440 | 1.9 |
| RM50 | 2,494,316,800 | 38.0 |
| RM100 | 1,732,073,850 | 28.4 |
| RM500 | 650,430,000 | 9.9 |
| RM1000 | 154,230,000 | 2.4 |
| Wang syiling | 413,819,015 | 6.3 |
| Jumlah | 6,561,592,225 | 100.00 |

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

57. Sekiranya setiap wang kertas menggunakan unit kepingan tertentu hendak diasing-asingkan antara satu sama lain, jumlah kepingan yang terbanyak ialah daripada wang kertas

A RM1000
B RM50
C RM100
D RM10

58. Telah diketahui bahawa pada tahun 1984, wang syiling yang paling banyak digunakan ialah daripada jenis 20 sen, iaitu bernilai RM114.9 juta. Berapa peratuskah wang syiling 20 sen ini daripada jumlah keseluruhan wang syiling dalam edaran?

A 1.7%
B 27.8%
C 25.4%
D 1.87%

*Soalan-soalan 59 dan 60 merujuk kepada pernyataan yang berikut.*

Peraturan perlawanan bola sepak secara timbal balik adalah seperti di bawah ini:

(a) Kekalahan mutlak terkeluar.
(b) Jika seri, kelebihan gol dikira.
(c) Jika seri dan mempunyai kelebihan gol yang sama, lebihan jaringan gol di tempat lawan dikira sebagai satu kelebihan.

Keputusan perlawanan pertama:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Aman | 2 | Iman | 3 |
| ASA | 2 | ASM | 0 |
| Radir | 3 | Kilat | 5 |
| ABC | 0 | Kunti | 1 |

Keputusan perlawanan kedua:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Iman | 3 | Aman | 4 |
| ASM | 1 | ASA | 1 |
| Kilat | 0 | Radir | 1 |
| Kunti | 0 | ABC | 1 |

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

59. Pasukan yang terkeluar daripada pertandingan ialah

A ASM sahaja
B ASM dan Kilat sahaja
C ASM, Radir dan Iman
D ABC, Aman dan Kilat

60. Pasukan yang terpaksa bermain semula ialah

A ABC lawan Kunti
B Radir lawan Kilat
C Aman lawan Iman
D ABC lawan Kunti dan Aman lawan Iman

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/

**Pengajian Am (Kertas 1)**

**Peperiksaan Percubaan 1 (SMK St. Thomas Kuching)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. A | 11. C | 21. A | 31. A | 41. A | 51. A |
| 2. B | 12. D | 22. A | 32. B | 42. B | 52. A |
| 3. D | 13. D | 23. D | 33. D | 43. A | 53. C |
| 4. A | 14. A | 24. C | 34. B | 44. C | 54. A |
| 5. B | 15. B | 25. D | 35. D | 45. A | 55. D |
| 6. A | 16. A | 26. B | 36. D | 46. B | 56. C |
| 7. A | 17. D | 27. A | 37. B | 47. A | 57. B |
| 8. A | 18. D | 28. C | 38. C | 48. D | 58. B |
| 9. A | 19. D | 29. A | 39. D | 49. B | 59. C |
| 10. D | 20. A | 30. D | 40. C | 50. C | 60. a |

(These are my answers for this paper since I don't have answer scheme. Any corrections please ask me.)

http://edu.joshuatly.com/
http://www.joshuatly.com/